

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Tinjauan kajian yang dipilih adalah berdasarkan penyelidikan dan kajian berkenaan konsep masa yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Kajian ini tidak tertakluk semata-mata dengan bahasa Melayu, namun ia merangkumi konsep masa dalam bahasa lain seperti kajian melalui bahasa Arab yakni bahasa Al Quran terutamanya.

2.1 Konsep Masa dalam Bahasa Melayu

Kajian pertama dibuat oleh Zahrah Abd. Ghafur (1988) dalam Jurnal Dewan Bahasa yang bertajuk Konsep Masa Dalam Bahasa Melayu. Beliau telah mengkaji pembinaan sebuah tesaurus bahasa Melayu dan penumpuannya kepada makna perkataan-perkataan yang berhubung dengan konsep yang didukungnya. Beliau telah menghuraikan pentakrifan antara masa dan waktu yang memang jelas kedapatan perbezaan dan penggunaannya dalam ayat.

Dalam pertuturan seharian misalnya, beliau menyatakan 'waktu sembahyang' bermaksud 'masa tertentu yang ditentukan untuk mendirikan sembahyang' dan sebaliknya 'masa sembahyang' membawa pengertian 'semasa sedang mendirikan sembahyang'. Di samping itu, beliau menjelaskan sebab makna yang khusus diberikan kepada waktu, kerana orang-orang Melayu gemar menggunakan kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab untuk menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama.

Contoh:

'Habis waktu kerana bang' dan


'sembahyang diberi waktu, janji diberi berketika'

Oleh itu, beliau menyatakan bahawa kata masa adalah lebih umum berbanding dengan kata waktu. Ini boleh dijelaskan melalui struktur tatatingkat yang mana ruang lingkup makna yang bertindihan boleh digunakan dengan menggunakan gambar rajah Venn (2000).

Rajah 1 : struktur tatatingkat masa dan waktu



Rajah 2 : pertindihan makna bagi masa dan waktu



Selain itu, beliau ada menghuraikan perkataan-perkataan yang berkolokasi dengan masa dalam bahasa Melayu. Beliau menyatakan budaya Melayu telah meletakkan masa sebagai sesuatu yang tinggi nilainya dan perlu digunakan dengan sebaik-baiknya. Contohnya;

Masa dianggap sebagai:

- (i) benda yang boleh 'ada' dan boleh'tiada' seperti:

Jikalau *ada masa* saya akan datang

(sebagai perbandingan kita boleh menggantikan *ada masa* dengan *ada wang*)

cermat masa banyak, *jimat masa sikit*.

- (ii) *benda yang konkrit yang boleh habis, boleh digunakan, boleh diambil atau boleh dibuang seperti:*

masa sudah habis, hantarkan jawapan kamu.

kita kehabisan waktu, buatlah dengan sebaik-baiknya.

mereka *menggunakan masa* dengan sebaik-baiknya.

dia *mengambil masa* dua hari untuk menyiapkan kerja itu.

Janganlah *membuang masa*, bukankah kerja kita banyak!

Seterusnya, beliau memerikan pula perkataan yang mengandungi komponen makna masa. Menurutnya, bahasa Melayu memiliki beberapa perkataan lain yang merujuk kepada konsep masa selain perkataan masa itu sendiri dan perkataan waktu. Beliau menyenaraikan beberapa perkataan yang telah digunakan untuk merujuk kepada konsep masa yang lebih khusus.

Kala :

Kamus Dewan mendefinisikan 'kala' sebagai 'ketika', 'masa' atau 'waktu'. Kalau dilihat daripada contoh:

..... pada kala itu

..... kadang kala

. purba kala

perkataan 'kala' ini lebih biasa digunakan untuk merujuk kepada masa yang telah lalu.

Tiada perbezaan yang diberikan oleh kamus kepada 'tatkala' atau 'tetekala' dengan perkataan ini. Mungkin 'kala' berasal daripada 'tatkala' atau 'tetekala'. Adanya dua bentuk itu mungkin kerana bentuk ejaan Jawi pada masa dahulu yang tidak menggambarkan kelainan bunyi.

2.2 Konsep Masa dalam Pemikiran Melayu

Kajian selanjutnya dibuat oleh Asmah Haji Omar melalui pembentangan kertas kerja beliau semasa Seminar Kosmologi Melayu (1994) dengan menyentuh tajuk Konsep Masa Dalam Bahasa dan Pemikiran Melayu. Beliau mengutarakan beberapa aspek berkaitan masa dalam pemikiran masyarakat Melayu. Menurutnya, walaupun orang Melayu tradisi tidak memiliki perkataan yang menggambarkan masa dan waktu, tetapi mereka mengenal masa dahulu, sekarang, dan kelak tetapi mereka tidak merangkumkan ketiga-tiga bahagian itu dalam satu keseluruhan.

Beliau menghuraikan masa mengikut kategori tertentu antaranya konsep masa statik yang menyatakan bahawa bagi orang Melayu ada satu detik atau dalam kerangka yang lebih luas dan panjang. Jika digabungkan kedua-dua konsep 'detik' dan 'kerangka', maka dapatlah dikatakan bahawa detik masa adalah titik-titik tertentu dalam kerangka masa, atau kerangka masa terdiri dari detik-detik masa. Sesuatu kerangka masa itu pula boleh merupakan bahagian dari kerangka masa yang lebih panjang. Contohnya pembahagian minit kepada saat, jam kepada minit, hari kepada jam dan seterusnya.

Selain itu, beliau menjelaskan konsep masa secara dinamik yang mana ianya dilihat sebagai entiti yang bergerak, sama ada secara mengufuk atau dalam kitaran. Bahasa Melayu memiliki perkataan-perkataan tertentu yang menggambarkan pergerakan masa, yakni kata edar (dalam peredaran masa, masa telah beredar) dan lalu (dalam masa sudah berlalu, masa lalu).

Beliau juga menjelaskan bagaimana wujudnya pergerakan masa dalam bercerita. Menurutnyanya, pergerakan ini berlaku melalui kaedah bercerita secara tradisional dan ini menunjukkan kepatuhan penceritanya kepada perantaraan peristiwa. Oleh itu peristiwa-peristiwa dalam sesuatu cerita itu dapat dijalinan satu persatu mengikut kronologinya secara terperinci. Contohnya dalam hikayat-hikayat dan Sejarah Melayu terdapat cerita dalam cerita, namun penceritanya dapat mempertahankan kronologi cerita dengan menggunakan penanda wacana masa yang terdiri dari kata pembuka cerita seperti kata *sahibul hikayat, alkisah, adalah, sebermula, bermula, tersebut, sekali peristiwa* dan kata penyambung peristiwa seperti *maka, setelah itu, setelah sudah, selepas itu, hatta, kalakian, arakian, setelah itu, setelah sudah*.

Selanjutnya beliau menyatakan bahawa orang Melayu memiliki kefahaman yang baik tentang peredaran masa, tetapi apabila dikatakan mereka tidak mempunyai *sense of time*, yakni mereka tidak dapat tepat pada masa yang ditentukan dalam memenuhi temu janji. Tabiat sebegini terdapat dalam semua masyarakat tradisional, bukan hanya Melayu, kerana bagi ahli-ahli masyarakat berkenaan masa bersifat relatif dan bukan mutlak.

2.3 Konsep Masa dalam Al Quran

Kajian yang lain dijalankan oleh Reha Mustafa (1999) melalui disertasi M.A-nya telah membuat kajian tentang Konsep Masa dalam Al Quran dan pengkajian tertumpu pada Juzu' 'Ammah. Beliau mendapati banyak ayat-ayat dari surah-surah yang tertentu dapat memerikan masa dalam Juzu' 'Ammah hasil dari analisis yang dibuat. Surah Al Asr (ayat 1 dan 2) misalnya menerangkan bagaimana Allah bersumpah dengan masa kerana terdapat peringatan kepada manusia yang sering dilanda kerugian.

Melalui kajian ini juga, beliau menerangkan konsep masa dalam Al Quran dijelaskan secara positif untuk menampilkan unsur-unsur peringatan, pendidikan, psikologi serta penggunaan yang betul dalam kehidupan muslim. Tambahan pula, dalam Al Quran telah disebutkan bahawa pemikiran tentang masa ini dibahagikan kepada dua peringkat; yakni peristilahan dan teori falsafah. Peringkat pertama dikhususkan kepada istilah-istilah 'zaman'. Perkataan zaman tidak disebutkan dalam nas tetapi lafaz-lafaz yang menunjukkan zaman atau masa seperti dahr, hin, an, muddat dan sebagainya. Pada peringkat kedua pula adalah peringkat teori falsafah iaitu Al Quran tidak cenderung untuk membicarakan hakikat masa kerana ia hanya membawa kepada pertentangan pendapat. Sebaliknya Al Quran menekankan kepentingan waktu dan pelaksanaan ibadah yang berkaitan dengannya.

2.4 Konsep Masa dalam Masyarakat Melayu

Nor Hashimah Jalaludin (2000:48) dalam tulisannya Masa dan Masyarakat Melayu pula mengaitkan konsep masa mengikut prinsip relevans. Menurutnya, teori relevans merupakan teori yang membincangkan cara komunikasi dan kognisi ini dapat membantu menjadikan ujaran yang bakal dihasilkan sampai ke sasarannya.

Beliau telah mengumpulkan data ungkapan yang melambangkan konsep masa dalam artikelnya. Pemaparan data yang beliau lakukan adalah merangkumi ungkapan yang terdapat dalam peribahasa dan pepatah petitih. Menurutnya lagi, ungkapan masa adalah tidak terhad pada manusia sahaja, tetapi turut melibatkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Ini dapat dilihat melalui contoh berikut:

Masa perjalanan

Sepuntung rokok
Sepiak sirih
Sepenanak nasi
Sepelaung

Penentuan waktu dan hari

Belum pecah mata belalang
Lalat pun belum terbang lagi
Sepenggalah matahari naik
Tinggi hari
Cukup bulan
Berjagung-jagung dahulu sementara padi masak

Penentuan hari dalam seminggu

Kelmarin
Semalam
Hari ini
Esok
Lusa
Tulat langkat

Jangka hayat buah-buahan

Putik
Mengkar
Tua
Masak
Ramum
Lasu-busuk

Jangka hayat haiwan

Anak
Ibu/bapa

Kesimpulan yang dibuat oleh Nor Hashimah mendapati pengungkapan masa dalam masyarakat Melayu memang tidak ada yang tepat atau jelas. Ini menurutnya dapat dikaitkan dengan faktor sejarah. Perkataan seperti *jam*, *minit*, *saat*, *ketika*, *masa* dan *waktu* adalah merupakan kata pinjaman. Kata waktu dan saat dipinjam daripada bahasa Arab. Kata masa dan ketika pula dipinjam daripada bahasa Sanskrit, sementara kata minit dipinjam daripada bahasa Inggeris dan kata jam dipinjam daripada bahasa Tamil. Dengan itu, menurutnya lagi ungkapan Melayu telah dicipta lebih awal daripada masa masuknya kata pinjaman tersebut.

2.5 Konsep Masa dan Ruang

Selain itu, terdapat kajian yang dibuat oleh Prof. Diraja Ungku Aziz "*Space and Time in the minds of the Malays*" (1992:4) tentang ruang dan masa dalam pemikiram Melayu. Menurutny, "*time is an interval between one event and a subsequent event, each of which is perceived separately*"; yang merujuk kepada masa sebagai ruang antara dua peristiwa dan peristiwa yang berikutnya yang mana dilihat secara berasingan. Beliau

menegaskan bahawa masa dan ruang merupakan faktor yang membezakan antara pemikiran Melayu tradisi dan moden.

Ini jelas apabila beliau cuba mengungkapkan bahawa masyarakat tradisi yang menyedari bahawa adanya kaitan masa dengan kehidupan melalui ungkapan “*jangan buang masa*” untuk menggambarkan betapa pentingnya masa dalam kehidupan. Kadangkala ungkapan seperti masa luang atau masa lapang digunakan untuk maksud mengisi masa yang terluang yang menunjukkan masa.

Namun jika mengisi masa yang terluang digunakan perkataan “masa lapang” atau “masa luang” untuk menunjukkan masa yang lebih terbuka dan tidak melibatkan ruang.

Di samping itu, beliau turut memperlihatkan contoh pantun Melayu yang menggambarkan situasi masa dan ruang. Contohnya;

*Dari mana punai melayang?
Dari paya turun ke padi;
Dari mana datangnya sayang?
Dari mata turun ke hati.*

Pantun di atas melibatkan gambaran ruang dan tempat antara paya dan padi. Dapat dilihat di sini bagaimana perkaitan di antara dua tempat tersebut adalah di antara mata dan hati, iaitu kesinambungan perasaan sayang yang terpancar dari mata turun ke hati.

Manakala pantun yang menggambarkan masa pula adalah;

*“anak enggang di kayu tinggi;
patah ranting terbanglah ia;
anak dagang lama di sini;
sampai musim pulanglah ia.*

Pantun tersebut menggambarkan tempoh masa bagi seorang perantau yang pergi merantau ke kota untuk mencari rezeki. Ungku Aziz juga mengaitkan dan merujuk kepada pekerja asing dengan pantun ini sebagai gambaran bahawa mereka hanya bekerja untuk mencari rezeki bekerja di negara ini dan sampai masa kelak akan pulang semula ke tempat asal mereka.

Kajian tentang konsep masa dalam bahasa Melayu Klasik merupakan julung-julung kalinya dijalankan. Namun demikian pengkaji hanya mengkaji sebuah teks Melayu lama iaitu buku Sejarah Melayu tulisan W.G. Shellabear (seperti yang terdapat dalam kata pengantar bertarikh 1 Januari 1896). Teks ini menarik dikaji kerana ia adalah salah satu daripada hasil penulisan lama yang menceritakan tentang zaman kegemilangan kerajaan Melayu lama di Melaka.

Teks Sejarah Melayu ini pernah dijadikan teks wajib bagi pengajian sastera di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dalam tahun-tahun 1990-an yang lalu. Teks ini termasuk dalam kategori karya agung yang menjadi salah satu teks wajib bagi pelajar aliran Sastera tingkatan enam mempelajarinya.

Uniknya teks ini adalah kerana dalam teks ini tidak ada catatan tarikh bila sesuatu peristiwa itu terjadi. Contoh yang jelas adalah semasa peristiwa pembukaan Melaka, yang mana akibat daripada satu peristiwa ganjil terjadi di hadapan mata seorang raja terhasilnya sebuah nama sebuah negeri daripada sebuah nama pokok tempat raja tersebut bersandar. Dalam teks ini tidak ditulis tarikh bila kejadian itu berlaku dan pada abad ke berapa Melaka menjadi terkenal di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pengkaji dapat mengandaikan kejadian itu berlaku pada sekitar abad ke-15.

Selain teks Sejarah Melayu ini terdapat satu lagi teks yang dikategorikan dalam karya agung STPM era 1990-an dahulu iaitu teks Hikayat Hang Tuah. Teks ini pula menceritakan kehebatan seorang pahlawan legenda Melayu bernama Hang Tuah. Namun, pengkaji lebih berminat mengkaji teks Sejarah Melayu ini kerana teks ini merupakan salah satu teks yang merangkumi dua unsur sekaligus iaitu sejarah dan sastera, di samping unsur mitos dan legenda. Selain itu, terdapat kisah-kisah yang mengisahkan kebesaran kerajaan Melayu pada masa dahulu.